

25/04/1997

Capetronic tingkat keupayaan 30 peratus

CAPETRONIC Consumer Electronics Holdings Bhd (Capetronic), merancang meningkatkan keupayaan pengeluarannya sebanyak 30 peratus tahun depan menerusi pembinaan kilang baru di Pelabuhan Klang, Selangor.

Pengarah dan ketua pegawai kewangan Capetronic, TP Scandrett, yang enggan menjelaskan jumlah pelaburan bagi projek itu berkata, kilang itu dijangka memulakan operasinya akhir tahun ini.

Kilang baru itu akan mempunyai 15 bahagian pengeluaran dengan membabitkan sembilan daripadanya adalah untuk produk utama, peralatan audio manakala bakinya bagi keluaran alat perakam.

Syarikat itu yang terbabit dalam pengeluaran peralatan audio dan rekod, kini dalam proses disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, dijangka pada Jun ini.

Menurut Scandrett, menerusi terbitan awam enam juta saham baru RM1 seunit pada harga RM7.80 sesaham berjumlah RM46 juta, adalah untuk membiayai pembangunan dan pembesaran kegiatannya dan aset tetap sedia ada kumpulan.

Capetronic adalah kumpulan pengeluar kelengkapan sistem audio isi rumah yang turut terbabit dalam mengeluarkan, memasang dan mengeksport produk keluarannya dalam kategori mini, midi dan berasingan.

"Produk audio isi rumah adalah penyumbang utama sebanyak 90 peratus kepada perolehan kumpulan," katanya kepada pemberita selepas majlis taja jamin Capetronic dengan Amanah Merchant Bank Bhd (Amanah) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Capetronic diwakili oleh Pengerusinya, Mirzan Mahathir, manakala Amanah oleh Pengarah Eksekutifnya, Mohamed Azman Yahya.

Sempena penyenaraianya di BSKL, Capetronic membuat tawaran untuk jualan empat juta saham biasa baru dan terbitan awam enam juta saham RM1 unit pada harga tawaran RM7.80 sesaham.

Sejumlah 1.5 juta saham baru akan diperuntukan kepada Pengarah dan kakitangan kumpulan itu, manakala 5.021 juta saham untuk langgan awam dengan 30 peratus daripadanya adalah bahagian Bumiputera.

Sementara bakinya sebanyak 3.479 juta tawaran saham adalah untuk pelabur Bumiputera.

Setakat ini, syarikat itu turut mengeksport produk keluarannya 29 peratus ke Hong Kong, Amerika Syarikat (25 peratus), Eropah (12 peratus), Singapura (tujuh peratus), Jepun (tiga peratus) dan baki 24 peratus ke beberapa negara di Amerika Selatan dan Australia.

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 1996, Capetronic turut memperolehi RM372.5 juta (AS149 juta) daripada kegiatan eksport kumpulan itu.

Capetronic turut dianggotai oleh dua anak syarikat iaitu Capetronic (M) Corporation Sdn Bhd (CMC) dan Capetronic USA (HK) Ltd (CUL).

(END)